

# **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

**GARISPANDUAN MENGENAI PENYEDIAAN DAN PENGGUNAAN SENARAI  
SEMAKAN UNTUK PENTENDER MENGEMUKAKAN  
TENDER-TENDER KERJA TEMPATAN.**

**BAHAGIAN UKUR BAHAN,  
IBU PEJABAT JPS,  
KUALA LUMPUR.**

**SEPTEMBER 1995**

## 1.0 **Pendahuluan**

- 1.1 Garispanduan ini menjelaskan format dan kandungan yang perlu ada dalam senarai semakan bagi membantu pentender mengisi dan mengemukakan tender-tender mereka.

## 2.0 **Kandungan Dan Format Senarai Semakan**

- 2.1 Senarai semakan hendaklah menyenaraikan perkara-perkara yang lazimnya perlu diambil tindakan oleh seseorang pentender dalam mengemukakan tendernya.
- 2.2 Format senarai semakan sebaik-baiknya dirangka untuk memudahkan rujukan oleh pentender.
- 2.3 Contoh dan format senarai semakan adalah seperti di Lampiran A kepada Garispanduan ini.

## 3.0 **Cara Perlaksanaan**

- 3.1 Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menyediakan senarai semakan hendaklah memastikan hanya tindakan-tindakan yang berkenaan sahaja dimasukkan dalam senarai semakan bagi sesuatu projek. Bagi maksud ini pegawai tersebut boleh merujuk kepada nota kaki (footnote) di contoh senarai semakan.
- 3.2 Senarai semakan ini tidak merupakan sebahagian daripada Dokumen Tender. Oleh itu ianya hendaklah diberikan kepada pentender secara berceraian (detached) dan tidak dijilidkan bersama-sama dengan Dokumen Tender.
- 3.3 Senarai semakan tidak perlu dikembalikan oleh pentender semasa penyerahan tendernya.

## **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

### **Senarai Semakan Mengemukakan Tender Untuk Kegunaan Pentender**

Tender Untuk: .....

.....

.....

.....

#### **Nota**

- a. Senarai semakan ini adalah bertujuan bagi menolong pentender mengemukakan satu tender yang lengkap dan tanpa sebarang kesilapan. Semua pentender adalah dinasihatkan supaya menggunakan senarai semakan ini bagi menyemak tender mereka sebelum menyerahkan tender masing-masing.
- b. Segala usaha telah diambil untuk menyenaraikan perkara-perkara yang lazimnya perlu diambil tindakan oleh seorang pentender dalam mengemukakan tendernya. Walaubagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Pentender sepenuhnya bagi menentukan lengkapnya sesuatu tender yang dikemukakannya.